

71

NO. SOALAN: 31

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]**

TARIKH : 8 MAC 2018

RUJUKAN : 10709

SOALAN :

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jika siasatan telah dijalankan atas tuduhan bahawa Tan Sri Musa Aman, Datuk Yahya Husin dan Jabar Khan ada kaitan sebagai Pasukan Petugas Khas UMNO Sabah yang bertugas antara 1991-1993 untuk merekrutkan pendatang asing yang telah diberikan Kad Pengelanan seperti yang didedahkan oleh Jabar Khan dan juga ditulis oleh Dr. Chong Eng Leong dalam muka surat 74 buku "Lest We Forget / Jangan Kita Lupakan".

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS) yang terbahagi kepada dua *tier* iaitu JKPWAS-Induk dan JKPWAS-Teknikal sentiasa mengambil langkah proaktif dalam mengatasi isu-isu berbangkit dalam melaksanakan pelan tindakan oleh Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah seperti berikut:

- a) menggiatkan tindakan penguatkuasaan serta pengusiran ke atas pendatang asing tanpa izin (PATI) di Sabah. Kesungguhan JKPWAS untuk mengatasi isu PATI ini dapat dilihat melalui jumlah pengusiran yang tinggi pada tahun 2015 iaitu sebanyak 27,769 orang yang merupakan angka tertinggi semenjak tahun 1990. Secara keseluruhannya, jumlah pengusiran daripada tahun 1990 sehingga 23 Februari 2018 pula adalah seramai 567,581 orang;
- b) kerjasama dengan Kedutaan Filipina bagi memastikan pihaknya mempercepatkan pengeluaran dokumen perjalanan (*Travel Documents-TD*) kepada tahanan yang hendak diusir ke negara asal. Kerjasama ini menghasilkan impak positif yang mana dokumen tersebut dapat dikeluarkan dalam tempoh 2 hingga 3 minggu berbanding

73

tempoh 2 hingga 3 bulan sebelum ini semenjak pelaksanaannya pada Januari 2016;

- c) Ketiga, JKPWAS melalui Jawatankuasa Kecil Sosial dan Komunikasi Induk juga memainkan peranan dalam menyelaraskan program kesedaran dan melaksanakan hebahan program serta aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan/Agensi antara lainnya adalah seperti ESSCOM, Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Jabatan Penerangan Negeri Sabah berhubung isu-isu berkaitan pendatang asing tanpa izin (PATI) di Sabah dan memberi penerangan kepada masyarakat bahawa usaha-usaha penguatkuasaan terhadap PATI sentiasa diutamakan; dan
- d) Keempat, pihak Kerajaan telah memperkenalkan penggunaan terma 'Rekod Kelahiran' bagi dokumen pendaftaran kelahiran Bukan Warganegara di Sabah yang telah berkuat kuasa pada 15 September 2015 yang bertujuan untuk membezakan dengan jelas dokumen pendaftaran kelahiran bagi Warganegara dan Bukan Warganegara di Sabah. Oleh itu, terma 'Sijil Kelahiran' pada dokumen pendaftaran negeri Sabah hanya akan dikhususkan kepada Warganegara sahaja.